

SENARAI SAKSI / PENGESAH DOKUMEN

Syarat-Syarat Saksi / Pengesah Salinan Dokumen :

- (1) Semua saksi / pengesah salinan dokumen hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.
- (2) Semua saksi / pengesah salinan dokumen hendaklah daripada pegawai kerajaan yang menjawat jawatan tetap dan terdiri daripada kumpulan tersenarai di bawah ini*.
- (3) Semua saksi / pengesah salinan dokumen hendaklah menurunkan nama dan jawatan yang disandang.

Kategori saksi/pengesah yang layak bagi pemohon individu ialah :

- (a) Semua Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah
- (b) Ahli Parlimen/ Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco)/Senator
- (c) Orang perseorangan yang dianugerahkan pingat Jaksa Pendamai yang bermastautin di daerah/mukim/kampung / taman tempat pemegang unit tinggal
- (d) Penggawa / Penghulu / Temenggung / Tuai Rumah
- (e) Bagi Badan Berkanun seperti FELDA, FELCRA, RISDA, MARA, MIDA, KWSP dan yang setaraf, saksi / pengesah hendaklah Pegawai di peringkat pengurusan dan ke atas seperti Pengurus / Penolong Pengurus / Ketua Jabatan dan ke atas sahaja.

* Contoh-Contoh Pegawai Kerajaan yang layak menjadi saksi / pengesah adalah seperti berikut :

A. Pegawai Pendidikan

- Pensyarah di IPTA
- Pegawai Pendidikan Negeri / Daerah Gred 41 dan ke atas sahaja
- Pengetua / Penolong Kanan di **Sekolah Menengah Kerajaan sahaja.**
- Guru Besar di **Sekolah Kebangsaan Kerajaan sahaja**

B. Pegawai Perkhidmatan Perubatan / Kesihatan:

- Semua doktor yang bertugas di hospital dan pusat kesihatan kerajaan sahaja

C. Pegawai Kehakiman dan Perundangan:

- Semua pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kerajaan. (Contoh : Hakim, Majistret, Peguam Persekutuan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Undang-Undang, Pegawai Syariah dan Pendaftar Mahkamah)
- Semua Peguambela dan Peguamcara # # # #

D. Pegawai Beruniform:

- Tentera (Kapten dan ke atas)
- Polis (ASP / Penolong Penguasa dan ke atas)
- Pegawai Penjara (Penguasa Penjara dan ke atas)
- Bomba (Penguasa Bomba dan ke atas)
- Jabatan Perhutanan (Pegawai Gred 41 dan ke atas)
- Jabatan Laut (Pegawai Gred 41 dan ke atas)
- Kastam (Penguasa Kastam dan ke atas)
- Imigresen (Penguasa Imigresen dan ke atas)